

## BAHAGIAN A

### Soalan A1 (10 markah)

**Arahan:** Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang paling sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

Pusat Penjaja Kita – Sebuah Projek Warisan dan Seni anjuran bersama Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA), Lembaga Warisan Negara (NHB), Majlis Seni Kebangsaan (NAC) dan Nippon Paint Singapore telah diusahakan bagi menjadikan pusat-pusat ini sebagai tempat warisan dan seni. Sekurang-kurangnya 70 buah sekolah, beberapa pertubuhan dan pelukis-pelukis akan **(1) hasil** lukisan mural dan arca seni di sekitar 40 buah pusat penjaja dan makanan yang telah **(2) kenal pasti** bagi projek ini. Tujuan utama projek ini adalah untuk meningkatkan **(3) sedar** orang ramai tentang nilai-nilai warisan dan budaya yang terdapat di pusat-pusat penjaja Singapura. Di samping itu orang ramai juga dapat mengetahui sejarah di sekitar kawasan **(4) letaknya** pusat-pusat penjaja tersebut. **(5) Libat** pelajar dalam projek ini juga dapat mengalakkan pembelajaran kreatif di luar bilik darjah tentang sejarah Singapura. Rekaan lukisan-lukisan mural di dinding dan arca-arca seni telah diilhamkan oleh para peserta projek.

### Soalan A2 (5 markah)

**Arahan:** Pilih peribahasa yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi tiap-tiap keterangan yang bergaris bawah dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- (A) ada kerak adalah nasi
- (B) belayar sampai ke pulau
- (C) malu berkayuh perahu hanyut
- (D) kusut di hujung, bawa ke pangkal
- (E) genggam bara api biar sampai jadi arang
- (F) seperti harimau menyembunyikan kukunya
- (G) ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- (H) kuat burung kerana sayap, kuat ketam kerana sepit
- (I) kemenyan sebesar lutut, tidak dibakar takkan berbau
- (J) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya

Kejayaan Kelab Drama Anakwatan yang menggondol tempat pertama dalam sayembara Drama Remaja 2015 bukan satu jalan yang mudah. Komitmen, kerjasama dan kegigihan yang dicurahkan oleh setiap ahli kelab telah membuktikan **(6)** tidak akan tercapai cita-cita tanpa usaha yang gigih. Setiap teguran oleh Encik Adi kepada anak-anak didiknya diterima baik. Dia sering menasihati mereka bahawa **(7)** kalau tidak berusaha, tentulah susah dan kalau segan bertanya, akan membuat kesilapan. Bagi mereka yang tidak menunjukkan kesungguhan berlakon, akan dimarahi oleh Encik Adi kerana dia mahu anak-anak didiknya menunjukkan kesungguhan dan **(8)** membuat sesuatu pekerjaan itu sehingga sempurna. Kesemua ahli Kelab Drama Anakwatan akur bahawa **(9)** tidak ada gunanya ilmu pengetahuan yang disimpan sahaja. Mereka saling bantu-membantu antara satu sama lain bagi memantapkan lakonan mereka. Bagi mereka **(10)** bermuafakat dalam sesuatu perkara senang atau susah agar sama-sama dirasakan, menang atau kalah bukan perkara yang penting. Encik Adi amat mengharapkan anak-anak didiknya dapat mempelajari nilai-nilai mulia melalui tunjuk ajarnya, tegurannya dan nasihatnya. Nilai-nilai ini yang menjadi pegangan setiap satu anak-anak didik Encik Adi.

### Soalan A3 (5 markah)

**Arahan:** Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan bagi mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

bahan	cekap	ditampilkan
fasih	menggalak	menyokong
pembuangan	penghapusan	

Majalah *Cilik Cerdik* iaitu majalah dwibahasa dalam bahasa Melayu dan Inggeris akan diperkenalkan kepada pembaca kanak-kanak. Ini merupakan usaha pihak Berita Harian (BH) dengan tajaan Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew (LKYFB) yang akan mengajak pembaca menjaga alam sekitar. Tujuan penerbitan majalah ini adalah untuk **(11)** \_\_\_\_\_ kedwibahasaan, khususnya, dalam kalangan murid-murid prasekolah serta memupuk minat membaca. Tiga watak comel iaitu Kiki, Dani dan Nadia akan **(12)** \_\_\_\_\_ dalam majalah ini. Mereka akan mengajak kanak-kanak menjaga kebersihan di kawasan kejiranan, mengajar cara-cara menjimatkan sumber air dan elektrik serta mengelak **(13)** \_\_\_\_\_ sampah secara sembarangan. Bagi menyokong majalah ini, pihak wartawan BH juga mengadakan program membaca dan bercerita di peringkat prasekolah dengan menggunakan bahasa Melayu. Dengan cara ini, amat diharapkan kanak-kanak ini akan **(14)** \_\_\_\_\_ bertutur dalam bahasa Melayu. Di samping itu, pihak BH sedang membangunkan aplikasi mudah alih *Cilik Cerdik* yang boleh digunakan di telefon-telefon bijak. Aplikasi ini menawarkan pelbagai **(15)** \_\_\_\_\_ dwibahasa. Ibu bapa serta anak-anak mereka akan berpeluang memanfaatkan berbilang media, permainan video dan berita bergambar bersama-sama.



## BAHAGIAN B (10 markah)

**Arahan:** Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

### Petikan 1

## Magika Pak Pandir

Pementasan muzikal kanak-kanak, *Magika Pak Pandir*, terbitan kumpulan tari, Sri Warisan Som Said Performing Arts Limited, akan dipentaskan sempena Muzikal Tunas Berseni 2015 di Panggung Victoria. Pementasan muzikal ini diadakan untuk mengembalikan nostalgia hikayat lama dan memperkenalkan cerita rakyat iaitu cerita Pak Pandir kepada kanak-kanak yang tidak pernah mendengar kisahnya. Di samping itu dapat juga digalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.



Cerita Pak Pandir merupakan salah satu sastera rakyat Melayu yang mengisahkan seorang lelaki bersifat lurus bendul. Cerita ini dipilih untuk dipentaskan kerana ia mempunyai unsur jenaka yang menerapkan pengajaran menerusi perbuatan-perbuatan lucu Pak Pandir. Antara pengajaran yang ingin diketengahkan adalah untuk mengingatkan penonton cilik supaya **menimba** ilmu sebelum melakukan sesuatu perkara dan jangan sesekali mempunyai sifat bodoh sombong.

Pementasan muzikal ini mempunyai gabungan pendekatan lama dan baharu bagi meningkatkan mutu pementasan. Perkataan 'magika' digunakan dalam tajuk muzikal ini agar penonton kanak-kanak akan terhibur dengan elemen-elemen magis menerusi watak-watak seperti nenek kebyan dan kayangan. Pementasan ini juga tidak melupakan unsur-unsur tradisional dengan adanya persembahan dikir barat, bangsawan, tarian boria dan paluan gendang Melayu yang diselang-selikan dengan pantun, puisi dan seloka. Ini merupakan unsur unik yang boleh dilihat penonton.



*Magika Pak Pandir* dilakoonkan oleh seramai 120 orang kanak-kanak dan remaja dari Sri Warisan dengan gabungan bersama penari-penari dari Atrika Dance Company serta kumpulan genderang, Nadi Singapura.

**Arahan:** Berdasarkan petikan di halaman 5, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

**16** Pemilihan cerita Pak Pandir sebagai pementasan muzikal adalah berdasarkan pada \_\_\_\_\_.

- (A) unsur nostalgia hikayat lama
- (B) watak Pak Pandir yang bersifat lurus bendul
- (C) watak Pak Pandir yang mempunyai elemen magis
- (D) unsur pengajaran yang terdapat dalam cerita rakyat ini

**17** Keistimewaan yang terdapat dalam pementasan muzikal ini terletak pada \_\_\_\_\_.

- (A) gabungan unsur tradisional dan elemen magis
- (B) penampilan watak nenek kebayan dan kayangan
- (C) perbuatan-perbuatan lucu yang ditampilkan oleh watak Pak Pandir
- (D) kerjasama pihak Sri Warisan, Atrika Dance Company dan Nadi Singapura yang menjayakan *Magika Pak Pandir*

**18** Perkataan 'menimba' dalam petikan ini bermaksud \_\_\_\_\_ .

- (A) menyerap
- (B) mengambil
- (C) memperoleh
- (D) mempelajari

Petikan 2

## Info Sihat: Kelebihan Air Panas untuk Kesihatan

Ramai yang tidak menyedari bahawa penggunaan air panas sama ada sebagai air mandian mahupun air minuman dapat memberi banyak manfaat kesihatan pada tubuh seseorang. Kesannya ialah seseorang itu akan lebih bertenaga, kelancaran peredaran darah serta dapat melonggarkan sendi-sendi yang kejang dan sebagainya.

Kelebihan air panas bagi kesihatan tubuh:

### 1 Meningkatkan Peredaran Darah

Sekiranya badan cepat lesu dan penat, ini menandakan peredaran darah dalam tubuh tidak lancar. Dengan minum segelas air suam pada setiap pagi dan selepas makan, akan mampu meningkatkan peredaran darah dan saraf akan berfungsi dengan baik.

### 2 Meningkatkan Fungsi Otak

Fungsi otak akan terjejas jika badan mengalami kekeringan air. Hal ini boleh mengakibatkan seseorang itu pengsan atau pitam secara tiba-tiba. Dengan minum segelas air suam yang telah dibubuh dengan sedikit madu, ia akan segera memberi tenaga pada otak.

### 3 Meredakan Kekejangan Otot

Amalan minum segelas air suam dan seterusnya mandi dengan menggunakan air panas akan pasti meredakan kekejangan otot. Sendi-sendi yang kejang akan perlahan-lahan beransur lega.



### 4 Menurunkan Berat Badan

Cara yang terbaik untuk menurunkan berat badan adalah dengan mengamalkan minum air panas. Ini kerana air panas dapat meningkatkan kadar metabolisme badan dan akan berlakunya proses mencairkan lemak dalam badan.

### 5 Baik untuk Wanita Hamil

Salah satu cara untuk menjaga kesihatan semasa hamil adalah dengan memperbanyak minum air panas. Manfaatnya ialah ia dapat membersihkan saluran peranakan, mencegah jangkitan kuman, mengurangkan rasa mual atau hendak muntah serta dapat meningkatkan paras detoks tubuh.

### 6 Baik untuk Detoks

Dengan minum segelas air suam, badan seseorang itu akan berpeluh. Kekotoran yang terdapat dalam tubuh akan dikeluarkan menerusi peluh itu. Ini ialah proses menyingkirkan toksin dari badan.



**Arahan:** Berdasarkan petikan di halaman 7, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

**19** Kehebatan air panas bagi mereka yang prihatin akan berat badannya ialah ia dapat \_\_\_\_\_.

- (A) melegakan kekejangan otot-otot dan sendi-sendi badan
- (B) mempercepatkan proses membakar lemak dalam badan
- (C) mengeluarkan kotoran-kotoran dan lemak daripada badan
- (D) meningkatkan kadar kelancaran edaran darah dalam badan

**20** Pernyataan-pernyataan yang berikut tentang kelebihan minum dan mandi air panas adalah betul kecuali \_\_\_\_\_.

- (A) madu yang dicampur dengan air panas mampu meningkatkan tenaga pada otak
- (B) bakal ibu yang minum air panas berupaya meningkatkan tahap detoks dalam badan
- (C) amalan minum air panas pada waktu pagi dan malam dapat melancarkan perjalanan darah
- (D) penyingkiran toksin akan berlaku apabila seseorang itu berpeluh kerana minum air suam-suam panas

### BAHAGIAN C (30 markah)

**Arahan:** Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Boleh dikatakan sebulan sekali atau dua bulan sekali Nenek akan mengeluarkan cucuk-cucuk sanggul yang pelbagai bentuk, corak bunga dan saiz dari kepek daun pandan. Nenek akan membersihkan habuk-habuknya dan **menggilapnya** sehingga benar-benar berkilat. Kemudian Nenek akan memasukkannya semula ke dalam kepek daun pandan dan menyimpannya di dalam almari pakaian Nenek.

Tiada siapa yang berani mengambil dan membuka kepek daun pandan itu apatah lagi mengusiknya. Nenek akan melenting dan marah-marah sehingga berhari-hari. Kadang-kadang merajuk tidak mahu makan, sehinggalah Ibu terpaksa memujuk dan meminta maaf bagi pihak mereka yang mengganggu harta Nenek itu. Cucu-cucu Nenek tidak faham mengapakah cucuk-cucuk sanggul itu begitu berharga buat Nenek. Sekadar sanduran air emas saja. Hendak dijual pun tidak laku. Sanggul lintang Nenek tiada siapa yang berani ambil tahu apatah lagi untuk mengganggunya. 5  
10

Namun sejak Ibu memberitahu Nenek bahawa Katirah akan melangsungkan perkahwinannya tidak berapa lama lagi, Nenek begitu gembira. Semenjak itu, setiap minggu Nenek membersihkan cucuk-cucuk sanggul lintangnya itu. Bagi Nenek, sudah sampai masanya Nenek membuktikan betapa sanggul lintangnya itu membawa **simbol** pengertian yang amat mendalam dan istimewa bagi generasi Nenek. Nenek tidak mahu hajatnya terhadap sanggul lintangnya itu berkecai. Itu janji Nenek. 15

“Siapa yang akan guna cucuk sanggul ni mak?” tanya Ibu.  
“Sebulan lagi kau akan terima menantu, jadi tentu kau faham,” jawab Nenek selamba.  
“Mahukah dia pakai mak? Mak fikir cucu mak tu seperti saya, boleh dengar cakap mak dan tidak bantah suruhan mak?” Ini zaman moden mak. Katirah sudah pun pilih pakaian pengantinnya enam bulan yang lepas,” sambung Ibu. 20  
“Aku cuma hendak tumpang gunakan benda-benda ini barang sejam dua sahaja. Aku hendak Katirah sampaikan hajat aku. Kalau kau takut hendak cakap dengan Katirah, nanti aku cakap sendiri,” nada Nenek agak meninggi.

Nenek memanggil Katirah. Nenek meminta Katirah membelikannya dua meter setengah kain baldu untuk dibuat baju kurung. Nenek menghulurkan duit kepada Katirah. Nenek hanya tersenyum lebar apabila ditanya soalan siapakah pemakainya. Sejak hari itu, Katirah menjadi tidak tenteram. Kini selera makan Nenek luar biasa. Kini Nenek akan duduk di samping Katirah menonton televisyen. Hal yang tidak pernah dibuat Nenek. Katirah takut hendak mengatakan yang Neneknya itu ‘buang tabiat’. 25

Malam itu Nenek memanggil Katirah sambil menunjukkan persiapan di atas katil. Baju kurung baldu merah dipadankan dengan kain songket **terbentang** kemas di atas tilam Nenek yang dihiasi dokoh di bahagian leher hingga ke bawah dada. Di bahagian atasnya, tersusun indah cucuk-cucuk sanggul lintang yang dilekatkan pada kusyen bulat. 30

“Nenek hendak Katirah pakai pakaian ini malam sebelum hari nikah. Nenek hendak lihat bagaimana cantiknya Katirah dengan cucuk-cucuk sanggul lintang pusaka Moyang kau ini. Nenek dan Mak kau sudah pakai dan sekarang tiba masanya kau pakai pula. Jangan bantah. Ini permintaan Nenek. Kalau Katirah sayang akan Nenek, tolong jangan hampakan harapan Nenek. Jangan lupa minta sesiapa petik gambar. Nenek hendak kumpul dan simpan gambar Nenek, Mak kau dan Katirah,” jelas Nenek tegas. 35

Katirah serba salah. Dibantah takut Nenek kecil hati. Diikuti takut jadi bahan ketawa orang kerana pakaian itu pakaian pengantin pada zaman dahulu. Akhirnya hasrat Nenek tercapai juga. Walaupun tiada pelamin, tiada tetamu undangan, tetapi Nenek rasa sungguh seronok. Ketika Ibu dan Katirah masuk menjenguk Nenek, Nenek sudah terlena dengan tiga keping gambar di kedua-dua belah tangannya yang terletak di atas dada. Di sebelah kiri Nenek, bertaburan cucuk-cucuk sanggul lintang dengan dokoh dan 40



baju kurung baldu serta kain songket yang belum sempat disusun dan dikemas Nenek. Wajah Nenek penuh senyuman tanda hajatnya tercapai juga. Tiga generasinya dapat memakai cucuk-cucuk sanggul lintang itu.

(Dipetik dan diubah suai daripada cerpen 'Sanggul Lintang Nenek' oleh Patemah Jaludin)

**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan di halaman 9, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- 21 Apakah hajat Nenek? (3 markah)
- 22 Bagaimana reaksi nenek apabila ada sesiapa yang mengganggu cucuk-cucuk sanggul lintangnya? (3 markah)
- 23 Katirah takut hendak mengatakan yang Neneknya itu 'buang tabiat'. (baris 28). Mengapakah Katirah berkata sedemikian? Beri dua sebab bagi menjelaskan pernyataan ini. (5 markah)
- 24 Nyatakan sebab-sebab Ibu Katirah tidak pasti yang Katirah akan memakai persiapan yang disediakan oleh Nenek. (5 markah)
- 25 Terangkan keistimewaan cucuk-cucuk sanggul lintang tersebut pada diri nenek berdasarkan pada perenggan akhir petikan ini. (5 markah)
- 26 Nenek digambarkan sebagai seorang yang tidak mengendahkan perasaan orang lain. Jelaskan pernyataan ini dengan contoh-contoh bagi menyokong jawapan. (5 markah)

**Arahan:** Terangkan maksud perkataan yang berikut berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

- 27 menggilap (baris 3) (2 markah)
- 28 simbol (baris 13) (2 markah)

**SELESAI**

### SKEMA JAWAPAN GCE 'N' MENDAKI 2015

No.	KOMPONEN	MARKAH
		<b>10 markah</b>
1.	menghasilkan	<b>2 m</b>
2.	dikenal pasti	<b>2 m</b>
3.	kesedaran	<b>2 m</b>
4.	terletak	<b>2 m</b>
5.	Penglibatan	<b>2 m</b>
	<b>A2: PERIBAHASA (Soalan 6 - 10)</b>	<b>5 markah</b>
6.	(J) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya	<b>1 m</b>
7.	(C) malu berkayuh perahu hanyut	<b>1 m</b>
8.	(B) belayar sampai ke pulau	<b>1 m</b>
9.	(I) kemenyan sebesar lutut, tidak dibakar takkan berbau	<b>1 m</b>
10.	(G) ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni	<b>1 m</b>
	<b>A4: MELENGKAPKAN TEKS (Soalan 11 - 15)</b>	<b>5 markah</b>
11.	menggalak	<b>1 m</b>
12.	ditampilkan	<b>1 m</b>
13.	pembuangan	<b>1 m</b>
14.	fasih	<b>1 m</b>
15.	bahan	<b>1 m</b>
	<b>BAHAGIAN B: PEMAHAMAN OBJEKTIF (Soalan 16 - 20)</b>	<b>10 markah</b>
16.	D	<b>2 m</b>
17.	A	<b>2 m</b>
18.	C	<b>2 m</b>
19.	B	<b>2 m</b>
20.	C	<b>2 m</b>
	<b>BAHAGIAN C: PEMAHAMAN SUBJEKTIF (Soalan 21 - 28)</b>	<b>30 Markah</b>

No.	KOMPONEN	MARKAH
21.	<p><b>Apakah hajat Nenek?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Hajatnya ialah Nenek hendak Katirah memakai baju kurung baldu merah yang dipadankan dengan kain songket dan dihiasi dengan pemakaian dokoh serta cucuk-cucuk sanggul lintang yang merupakan pusaka Moyang Katirah.</li> </ul>	3 m
22.	<p><b>Bagaimana reaksi nenek apabila ada sesiapa yang mengganggu cucuk-cucuk sanggul lintangnya?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Nenek akan melenting dan marah-marah sehingga berhari-hari.</li> <li>Nenek akan merajuk dan tidak mahu makan, sehinggalah Ibu terpaksa memujuk dan meminta maaf bagi pihak mereka yang mengganggu harta Nenek itu.</li> </ul>	3 m
23.	<p><b>Katirah takut hendak mengatakan yang Neneknya itu 'buang tabiat'. (baris 28). Mengapakah Katirah berkata sedemikian? Beri dua sebab bagi menjelaskan pernyataan ini.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ini kerana Nenek berkelakuan luar biasa.</li> <li>Sebab yang pertama ialah Nenek memberi Katirah duit untuk Katirah membelikannya dua meter setengah kain baldu untuk dibuat baju kurung.</li> <li>Sebab yang kedua ialah selera makan Nenek berbeza daripada hari-hari biasa.</li> <li>Sebab yang ketiga ialah Nenek akan duduk menonton televisyen bersama Katirah dan ini merupakan perkara yang tidak pernah dibuat oleh Nenek.</li> </ul> <p><i>(Pilih 2/3 jawapan yang disediakan)</i></p>	5 m
24.	<p><b>Nyatakan sebab-sebab Ibu Katirah tidak pasti yang Katirah akan memakai persiapan yang disediakan oleh Nenek.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebab yang pertama ialah sifat Katirah berbeza dengan sifatnya yang patuh akan suruhan ibunya serta tidak berani membantahnya.</li> <li>Sebab yang kedua adalah kini zaman moden dan tidak mungkin anaknya akan memakai pakaian pengantin yang pernah dipakai oleh ibunya dan dirinya sewaktu berkahwin pada zaman dahulu.</li> <li>Sebab yang ketiga ialah Katirah telah pun memilih pakaian pengantinnya enam bulan yang lepas.</li> </ul> <p><i>(Pilih 2/3 jawapan yang disediakan)</i></p>	5 m

No.	KOMPONEN	MARKAH
25.	<p><b>Terangkan keistimewaan cucuk-cucuk sanggul lintang tersebut pada diri nenek berdasarkan pada perenggan akhir petikan ini.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertama, cucuk-cucuk sanggul lintang itu ialah pusaka Moyang keturunannya.</li> <li>• Kedua, tiga generasi Nenek dapat memakai cucuk-cucuk sanggul lintang itu iaitu Nenek, Ibu Katirah dan diri Katirah.</li> </ul>	5 m
26.	<p><b>Nenek digambarkan sebagai seorang yang tidak mengendahkan perasaan orang lain. Jelaskan pernyataan ini dengan contoh-contoh bagi menyokong jawapan.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjelasan yang pertama ialah Nenek seorang yang suka mendesak. Contohnya ialah Nenek meminta Katirah supaya jangan membantah hajatnya itu.</li> <li>• Penjelasan yang kedua ialah Nenek seorang yang tegas. Contohnya ialah Nenek mengatakan bahawa dia sendiri akan memberitahu Katirah tentang hajatnya untuk Katirah memakai cucuk-cucuk sanggul dan baju kurung baldu jika Ibu Katirah takut hendak memberitahu Katirah.</li> </ul>	5 m
27.	menggilap: menggosok sehingga menjadi bersih dan kilat	2 m
28.	simbol: lambang / tanda	2 m
<b>Markah Penuh</b>		<b>60 Markah</b>